

TAHAP PENGGUNAAN ICT DAN TEKNOLOGI DALAM PENGURUSAN MASJID DAN SURAU

Oleh:

**Farah Azura Abdul Rahman, Nilawati Sulaiman, Nur Zakiah Hani Kamarolzaman
dan Siti Aishah Azmi**
Fakulti Pendidikan Teknikal
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
Batu Pahat, Johor.

Pengenalan

Dewasa ini penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau *Information and Communication Technology* ICT begitu meluas dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Penggunaan ICT dapat meningkatkan prestasi dan kecekapan operasi, menjadikan sumber maklumat diuruskan dengan lebih sistematik dan pantas serta merupakan alat yang strategik untuk mencapai sesuatu objektif. Ia merupakan automasi untuk pembangunan dan kemajuan sesebuah organisasi dalam menggarap rangkaian dan perhubungan yang lebih meluas. ICT merupakan satu agenda utama dalam pembangunan dan kemajuan pada masa kini. Penggunaan ICT secara optimum memberi kesan kepada perubahan atau transformasi sesebuah organisasi, malah akan mempengaruhi halatuju pembangunan serta peningkatan keberkesanan organisasi. Perkembangan ICT membolehkan maklumat diperolehi dalam masa yang singkat dan dalam jumlah yang banyak. Melalui capaian maklumat menerusi *internet* maklumat boleh diperolehi dengan mudah dan cepat serta tanpa sempadan. Di akhir abad ke-20 dan di awal abad ke-21, globalisasi berlaku dalam hampir semua bidang seperti perdagangan, pelancongan, perindustrian dan pendidikan. Perkembangan ICT merupakan salah satu faktor yang menyebabkan berlakunya globalisasi. Pengurusan yang diamalkan dalam sesebuah organisasi turut mengalami perubahan. Perubahan ini disebabkan oleh peningkatan taraf ekonomi hasil daripada aplikasi peralatan moden yang menggunakan teknologi yang semakin canggih dari semasa ke semasa. Pelbagai inovasi dan penemuan baru berlaku hampir setiap hari melalui penyelidikan dan pembangunan.

Faktor Eksternal

Faktor eksternal merupakan persekitaran luaran organisasi mempengaruhi pengurusan dalam organisasi. Faktor persekitaran yang dimaksudkan adalah faktor luaran atau external iaitu persaingan, teknologi, masyarakat dan kerajaan. Faktor persaingan mempunyai peranan penting dalam mempengaruhi perubahan yang ingin dilakukan. Persaingan yang sengit menyumbang kepada pembentukan perubahan dalam organisasi. Dalam konteks kajian ini persaingan dilihat dari segi persaingan sihat yang wujud dikalangan masjid-masjid dan surau-surau dalam negeri Johor. Faktor teknologi juga memainkan peranan yang penting dalam dalam pengurusan. Tahap teknologi yang tinggi akan mengubah corak dan gaya pekerja melaksanakan tugas mereka seharian. Dalam konteks kajian ini, perubahan teknologi menjadikan masjid dan surau perlu mengubah cara dan corak kerja yang memerlukan kemahiran baru. Selain itu, faktor masyarakat berperanan penting dalam menjana perubahan dalam sesebuah organisasi dan faktor seterusnya ialah penglibatan atau campur tangan kerajaan dalam sesebuah organisasi (Menurut Gerstein dan Shaw, 1992). Penglibatan ini dilihat dalam bentuk dasar-dasar yang dibuat dalam menggalakkan masjid dan surau untuk melakukan pembaharuan.

Pernyataan Masalah

Dalam kajian ini, pengkaji mengenalpasti sebuah masjid khariah dan sebuah surau yang diiktiraf Cemerlang pada tahun 2005 iaitu Masjid Jamek Al-Mustaqim, Kampung Sungai Lurus, Senggarang, Batu Pahat dan Surau Taman Soga, Batu Pahat. Melalui tinjauan awal, pengkaji mengenalpasti kriteria-kriteria yang melayakkan masjid dan surau tersebut diiktiraf cemerlang oleh Kerajaan Negeri Johor. Selain itu, pengkaji juga mengenalpasti tahap penggunaan ICT dan teknologi yang diamalkan dalam pengurusan masjid dan surau tersebut. Peluang dan halangan dirasai secara berbeza-beza di antara masjid atau surau daripada status sosioekonomi masyarakat sekitar dan lokasi masjid dan surau yang berlainan. Masjid atau surau di desa mungkin berhadapan dengan peluang, masalah dan cabaran yang berbeza daripada masjid dan surau yang terletak di bandar.

Jika dilihat secara fizikal, masjid dan surau cemerlang tidak mempunyai banyak perbezaan dengan masjid dan surau kajian dari segi lokasi, taraf masjid dan struktur

organisasi. Namun yang demikian, melalui tinjauan awal pencapaian dan kecemerlangan yang ditunjukkan menunjukkan perbezaan yang signifikan. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan data dan maklumat tinjauan awal mengenai masjid dan surau cemerlang sebagai tanda aras (*benchmark*) untuk mengenalpasti tahap penggunaan ICT dan teknologi dalam pengurusan masjid dan surau yang telah dipilih iaitu Masjid Riadhus Solihin, Pintas Puding, Parit Raja dan Surau An-Nur, Pintas Puding, Parit Raja. Pengkaji juga ingin mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan perbezaan aplikasi ICT dan teknologi dalam pengurusan diantara masjid dan surau cemerlang dengan masjid dan surau yang dikaji.

Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Menenalpasti peralatan ICT dan teknologi yang terdapat di masjid dan surau.
- ii. Mengetahui sejauh manakah peralatan ICT dan teknologi membantu pengurusan di masjid dan surau.
- iii. Menenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi perbezaan tahap penggunaan ICT dan teknologi dalam pengurusan masjid dan surau.
- iv. Menenalpasti cara meningkatkan tahap penggunaan ICT dalam pengurusan masjid dan surau.


Persoalan Kajian

Persoalan utama kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Apakah peralatan ICT dan teknologi yang terdapat di masjid dan surau?
- ii. Sejauh manakah peralatan ICT dan teknologi membantu pengurusan di masjid dan surau?
- iii. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi perbezaan tahap penggunaan ICT dan teknologi dalam pengurusan masjid dan surau?
- iv. Bagaimanakah meningkatkan tahap penggunaan ICT dalam pengurusan masjid dan surau?

Kerangka Teoritikal

Kajian ini dijalankan berdasarkan kerangka teoritikal yang direkabentuk berdasarkan kaedah perbandingan. Tahap penggunaan ICT dan teknologi dalam pengurusan masjid dan surau masjid cemerlang dan masjid kajian dikenalpasti dengan cara membandingkan senarai semak yang telah direka bentuk dengan maklumat dan data yang dikumpulkan. Langkah seterusnya adalah membandingkan tahap penggunaan ICT dan teknologi dalam pengurusan kedua-kedua masjid dan surau cemerlang dan surau kajian bagi mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan perbezaan tahap penggunaan ICT dan teknologi dalam pengurusan yang mereka amalkan.



Kepentingan Kajian

Kajian ini membawa kepentingan kepada beberapa pihak tertentu dalam mengenalpasti tahap penggunaan ICT dan teknologi yang mereka amalkan dalam pengurusan masjid dan surau seterusnya memberikan panduan kepada pihak-pihak berwajib mengambil tindakan yang wajar sebagai implikasi kepada dapatan kajian ini. Pertama, kajian ini penting kepada masjid dan surau kajian sebagai panduan untuk

melaksanakan kaedah pengurusan baru yang lebih efektif dan berdaya saing. Kedua, kajian ini penting kepada masjid dan surau yang dijadikan sebagai *benchmark* bagi mempertingkatkan lagi tahap penggunaan ICT dan teknologi di dalam pengurusan yang mereka amalkan. Kajian ini juga penting kepada masyarakat sekitar khususnya golongan yang kurang memberikan penglibatan kepada aktivi-aktiviti yang dianjurkan oleh masjid dan surau. Akhir sekali, kajian ini penting kepada Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Johor untuk mendapatkan maklumat secara kasar mengenai tahap penggunaan ICT dan teknologi dalam pengurusan masjid dan surau di sekitar Batu Pahat, Johor.

Methodologi Kajian

Rekabentuk Kajian

Kajian yang dijalankan berbentuk perbandingan di antara masjid dan surau cemerlang dengan masjid dan surau kajian. Masjid dan surau cemerlang dijadikan tanda aras (*benchmark*) untuk mengenalpasti faktor yang membezakan tahap penggunaan ICT dan teknologi dalam pengurusan yang mereka amalkan. Maklumat dan data masjid dan surau cemerlang dikumpulkan melalui tinjauan awal, sorotan kajian dan pemerhatian.

Populasi dan sampel Kajian

Populasi kajian ini merupakan masjid dan surau yang terdapat di kawasan Parit Raja, Batu Pahat, Johor manakala sampel kajian yang diambil adalah Masjid Riadhus Solihin, Pintas Puding, Parit Raja dan Surau An-Nur, Pintas Puding, Parit Raja.

Responden kajian

Terdiri daripada pengerusi masjid dan ahli jawatankuasa Masjid Riadhus Solihin dan Surau An-Nur. Bilangan responden yang di temubual adalah tujuh orang.

Instrumen Kajian

Kaedah temubual dan pemerhatian digunakan untuk mengumpulkan maklumat dan data yang diperlukan.

Kaedah Penganalisan Data

Kaedah analisis yang di gunakan ialah kaedah perbandingan dengan senarai semak.

Dapatan Kajian

Keputusan Analisis Data Peralatan ICT di Masjid

Berdasarkan jadual senarai semak di bawah, didapati bahawa penggunaan peralatan ICT dan teknologi dalam pengurusan masjid adalah berbeza diantara masjid cemerlang dengan masjid kajian. Masjid Cemerlang menggunakan sebanyak 13 jenis peralatan ICT dalam membantu mereka melaksanakan pengurusan. Peralatan ICT yang ada dan digunakan adalah Langganan Akhbar setiap hari, Mikrofon, Speaker, *PA System*, Kamera Manual, Kamera *Digital*, Kamera Video, Komputer Peribadi, Printer, Penerbitan Risalah, Televisyen, Radio dan Pemain VCD/DVD. Manakala Laptop, LCD, skrin layar putih, mesin pendua (*photocopy*), Telefon, Internet dan perakam video tidak terdapat di masjid cemerlang. Ini bermakna masjid cemerlang menggunakan lebih daripada separuh peralatan ICT dan teknologi yang disenaraikan dalam senarai semak.

Bagi Masjid Kajian, terdapat hanya lapan peralatan ICT yang digunakan dalam membantu mereka menjalankan pengurusan masjid iaitu langganan Akhbar, Mikrofon, Speaker, *PA System*, Kamera Manual, Televisyen, Radio dan Pemain VCD/DVD. Ini bermaksud tahap penggunaan ICT dan teknologi bagi masjid kajian masih ditahap yang kurang berbanding dengan masjid cemerlang.

Jadual 4.1

Analisis Data Peralatan ICT di Masjid

Bil	Peralatan ICT	Masjid Cemerlang	Masjid Kajian
01.	Akhbar	X	X
02.	Mikrofon	X	X
03.	Speaker	X	X

04.	PA System	X	X
05.	Kamera Manual	X	X
06.	Kamera Digital	X	-
07.	Kamera Video	X	-
08.	Komputer Peribadi	X	-
09.	Laptop	-	-
10.	Printer	X	-
11.	LCD	-	-
12.	Skrin Layar Putih	-	-
13.	Mesin Pendua	-	-
14.	Telefon dan Fax	-	-
15.	Internet	-	-
16.	Penerbitan Risalah	X	-
17.	Televisyen	X	X
18.	Radio	X	X
19.	Perakam Video	-	-
20.	Pemain VCD/DVD	X	X

Keputusan Analisis Data Peralatan ICT di Surau

Berdasarkan jadual senarai semak di bawah, didapati bahawa penggunaan peralatan ICT dan teknologi dalam pengurusan surau adalah berbeza diantara surau cemerlang dengan surau kajian. Surau Cemerlang menggunakan sebanyak tujuh jenis peralatan ICT dalam membantu mereka melaksanakan pengurusan manakala surau kajian dalam kajian ini hanya menggunakan empat jenis peralatan ICT dan teknologi yang disenaraikan dalam senarai semak.

Jadual 4.2
Analisis Data Peralatan ICT di Surau

Bil	Peralatan ICT	Surau Cemerlang	Surau Kajian
01.	Akhbar	-	-
02.	Mikrofon	X	X
03.	Speaker	X	X
04.	PA System	X	X
05.	Kamera Manual	X	-
06.	Kamera Digital	-	-
07.	Kamera Video	-	-
08.	Komputer Peribadi	X	-
09.	Laptop	-	-
10.	Printer	-	-
11.	LCD	-	-
12.	Skrin Layar Putih	-	-
13.	Mesin photostat	-	-
14.	Telefon	-	-
15.	Internet	-	-
16.	Penerbitan Risalah	X	-
17.	Televisyen	-	-
18.	Radio	X	X
19.	Perakam Video	-	-
20.	Pemain VCD/DVD	-	-

Rumusan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan penggunaan peralatan ICT dan teknologi dalam pengurusan masjid dan surau diantara masjid dan surau cemerlang dengan masjid dan surau kajian. Di mana masjid dan surau cemerlang mempunyai peralatan ICT dan teknologi yang lebih banyak dalam membantu mereka melaksanakan pengurusan berbanding dengan masjid kajian. Ia di sebabkan oleh faktor internal iaitu kewangan di mana masjid dan surau cemerlang mempunyai sumber kewangan yang lebih berbanding dengan masjid dan surau kajian kerana mereka mendapat sumber pendapatan lain seperti hasil tanah (kelapa sawit) yang di wakafkan bagi membolehkan ia menambahkan lagi sumber kewangan masjid berbanding dengan masjid dan surau kajian yang hanya bergantung kepada derma dan sumbangan orang ramai. Selain itu, pentadbiran juga mempengaruhi tahap penggunaan ICT dan teknologi di masjid dan surau di mana, masjid dan surau cemerlang di tadbir oleh golongan muda dan dewasa yang mempunyai lebih banyak pengetahuan mengenai ilmu ICT dan teknologi. Manakala surau dan masjid kajian di tadbir oleh golongan tua yang kurang pendedahan dan ilmu mengenai ICT dan teknologi. Kemudahan merujuk kepada peralatan ICT dan teknologi yang terdapat di masjid dan surau, bagi masjid dan surau cemerlang mempunyai kemudahan ICT dan teknologi yang lebih banyak. Manakala persepsi golongan muda di kawasan masjid dan surau cemerlang terhadap penglibatan aktiviti yang di anjurkan oleh masjid dan surau mempengaruhi tahap penggunaan ICT dan teknologi yang mereka amalkan.

Cadangan

Hasil daripada kajian terhadap tahap penggunaan ICT dan teknologi dalam pengurusan di masjid dan surau di cadangkan beberapa cadangan yang di kenalpasti boleh membantu meningkatkan lagi tahap penggunaan ICT dan teknologi dalam pengurusan masjid dan surau kajian. Antaranya ialah ahli jawatankuasa masjid dan surau kajian perlu memikirkan alternatif lain untuk mendapatkan sumber kewangan tambahan selain mengharapkan sumber kewangan utama iaitu derma dan sumbangan orang lain. Ia boleh dilakukan dengan mewujudkan aktiviti selain daripada derma seperti menyumbang kepada kewangan masjid. Selain itu ahli jawatankuasa masjid dan surau kajian perlu

sentiasa peka terhadap peluang-peluang yang di sediakan oleh kerajaan di dalam memperolehi bantuan kewangan kepada masjid dan sumbangan daripada pelbagai pihak di perlukan bagi memajukan dan membangunkan masjid dan surau.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Bin Yusof. (2000). *Perubahan dan kepimpinan*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Abraham, G., Griffin, D. & Crawford, J. (1999). Organization Change and Management Decision in Museums. *Management Decision*. No. 37, pp 736 – 751.
- Ahmad Atony. (1996). "Pengurusan Organisasi." Kuala Lumpur : Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Ananda, M. & Joytsna, M. (1998). Structuring The Organization for The Future: Analyzing and Managing Change. *Management Decision*. No. 36, pp 265 – 273.
- Brightam, B. K. & Moran, J. W. (2001). Managing Organizational Priorities. *Career Development International*. Vol. 6, No. 5, pp. 244 – 288.
- Church, A. H., Seagal, W., Javitch, M., Waclawski, J., & Burke, W. W. (1996). Managing Organizational Change: What You Dont Know Might Hurt You. *Career Development International*. Vol.1, No. 2, pp 25 -30.
- Cook, E. K., & Hunsaker, P. L. (2001). *Management and Organization Behaviour, 3rd Edition*. New York: McGraw-Hill.
- Cornell, J (1996) Aspects of The Management of Change. *Journal of The Management in Medicine*. Vol 10, No. 2, pp 23-30.

Ellias Zakaria. (1995). Peningkatan Mutu Kepegawaian Masjid. *Seminar Peningkatan Mutu Kepegawaian Masjid*. Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang.

Feurer, R. & Caharbaghi, K. (1995). Achieving a Balance Value System for Continuity and Change. *Management Decision*. Vol. 33, No. 9, pp 45 – 51

Gerstein, M.S. & Shaw, R.B. (1992). *Organization Architecture*. San Francisco, Canada: Jossey-Bass.

Honeyman, David S and White Warren J, (1987). Computer Anxiety in Educators Learning to use the computers: A Preliminary Report *Journal of Research on Computing Education*.

Jainal Bin Sakiban (2006). Bumi Allah Adalah Masjid. *Buletin Masjid Johor*. Bil 1. pp 2

Kerajaan Malaysia. (1991). *Rancangan Malaysia Keenam 1995-1996*. Kuala Lumpur : Percetakan Negara.

Lang, C. J. (2001). Managing in Knowledge-Based Competition. *Journal of Organizational Change Management*. Vol. 14, No. 6, pp 539 – 553.

Morahaini Yusuf. (1999). *Strategi pengajaran kefahaman membaca*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nader, J.C (1995). *Dictionary of Computing*. Sydney : Prentice Hall.

O'Leary, T. J. & Timothy J. (2000). *Computers and Information Technology*. McGraw-Hill: Singapore.

Porras, J. I. & Silver, R.C. (1991). Organizational Development and Transformation. *Annual Riview of Psychology*. No. 52, pp 51 – 78.

Robbin, S.P. & Coulter, M. (2002). *Management*. Seven Edition. Upper Sadle River: Prentice Hall.

William, I. S. & Lane, D. S. (2002). Changing The Way We Manage Change. *S.A.M Advance Management Journal*. Cincinnati. Vol. 67, No. 4, pp 34 – 39.

Zeffane, R. (1996). Dynamic Strategic of Change : Critical Issue in Fostering Positive Organization Change. *Leadership and Organizational Development Journal*. No. 17, pp 36 – 43.

Zuraini Abdullah. (1993).”Rangkaian Komputer di Sekolah Media Comil.”